



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
SARJAN IBRAHIM BIN JIDON SEPANJANG PERKHIDMATAN
BELIAU SEBAGAI ASKAR JURUTERA PASUKAN
KESELAMATAN NEGARA DARI 1956-1976**

DI SEDIAKAN OLEH:

**HAZWAN BIN HAMIDON
MOHAMAD NAQIB BIN MOHD NORDIN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 : DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05
(SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)**

SEKAPUR SIREH



Syukur ke hadrat Ilahi, Pemilik sekalian alam, kerana dengan taufik dan hidayat-NYA, dapat kami menyelesaikan tugas penulisan transkrip ini dengan jaya dan mengikut ketetapan masa yang telah di peruntukkan oleh pensyarah kami. Di sini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih serta setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu kami samaada secara langsung ataupun tidak semasa proses penyiapan tugas ini dahulu. Sekalung penghargaan di diberikan kepada Encik Ibrahim bin Jidon kerana memberi kerjasama yang berterusan sepanjang proses wawancara diadakan bersama beliau terdahulu. Tanpa kerjasama jitu dan ikhlas dari pihak beliau, tidak mungkin kami mampu menyiapkan dan menghasilkan transkrip yang seakan digambarkan oleh pensyarah kami iaitu, Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman. Kami juga amat bersyukur kerana beliau sudi menceritakan pengalaman berharga beliau kepada pelapis muda seperti kami. Tanpa pengalaman beliau, amat sukar bagi kami serta generasi muda yang lain untuk memahami, menghayati serta mendekati makna di sebalik kesusahan dan kesukaran yang di alami oleh mereka yang terdahulu dalam memperjuangkan kedaulatan negara untuk keamanan generasi masa hadapan. Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman kerana tidak jemu memberi tunjuk ajar, nasihat serta pandangan kepada kami bagi menghasilkan transkrip wawancara ini. Bimbingan beliau banyak membantu serta menyumbang buah fikiran kepada kami agar lebih peka serta berpandangan jauh semasa menjalankan tugas. Akhir kalam, saya selaku wakil ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan setugas saya kerana sudi memberi kerjasama terutama sekali ketika kami mengalami saat kesukaran, halangan dan cabaran sepanjang proses tugas ini di jalankan. Kami percaya, kesusahan dan kesukaran ini akan menjadi intipati kekuatan kepada kami di masa hadapan agar sentiasa bersikap versatile, yakin dan berani serta tidak mudah berputus asa. Semoga transkrip wawancara ini mampu menjadi wadah penjana minda kepada generasi muda kini agar tidak pernah lupa dan berpaling dari sejarah penjajahan yang telah dialami oleh negara kita, yakni Tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Sekian, Terima Kasih

Sekian, Terima Kasih

Isi Kandungan



	Penghargaan	i
	Isi Kandungan	ii
	Senarai Gambar	iii
	Abstrak	iv
1.0	Pengenalan	01 – 6
2.0	Transkrip Wawancara	7 – 75
3.0	Log Wawancara	76 – 80
4.0	Biodata Tokoh	81 – 84
5.0	Soalan Wawancara	85 – 90
6.0	Ralat	91
7.0	Rujukan	92
8.0	Lampiran	93 – 107
9.0	Indeks	108
10.0	Diari Penyelidikan	109 – 110

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
SARJAN IBRAHIM BIN JIDON SEPANJANG PERKHIDMATAN BELIAU
SEBAGAI ASKAR JURUTERA PASUKAN KESELAMATAN NEGARA
DARI 1956-1976

ABSTRAK

Ibrahim bin Jidon merupakan seorang bekas askar jurutera yang berkhidmat dibawah 3 badan keselamatan semasa itu British Army, Federation Engineer dan Rejimen Askar Jurutera sekitar pada tahun 1955 hingga ke tahun 1976. Beliau memulakan kariernya sebagai tentera British sebagai Royal Engineer semasa berumur 19 tahun pada tahun 1955, Januari 1955. Beliau bermula sebagai Royal Engineer didalam Squadron 76 di Kluang, Johor. Setelah British Army dibubarkan, beliau telah ditawarkan masuk ke Federation Engineer pada tahun 1957 sebelum merdeka. Selepas itu Federation Engineer telah ditukarkan kepada Rejimen Askar Jurutera pada tahun 1963. Beliau menamatkan kerjaya sebagai Askar Jurutera pada usia 39 tahun pada tahun 1976. Peranan khas askar jurutera ketika itu dalam tugas-tugas memusnah bom, membersihkan kawasan periuk api, membina jalan, jambatan, landasan kapal terbang serta menyediakan bekalan air. Sepanjang penglibatannya sebagai askar jurutera, beliau telah alami dua peristiwa iaitu serangan komunis semasa dari tahun 1955 hingga 1957 dan Konfrontasi Malaysia Indonesia pada tahun 1966 di Sarawak. Beliau telah dianugerahkan beberapa anugerah antaranya Pingat Perkhidmatan Setia, General Service Medal, Pingat Perkhidmatan Berbakti dan Pingat Perkhidmatan Malaysia.

KATA KUNCI: *British Army, Federation Engineer, Rejimen Askar Jurutera, Royal Engineer (RE), Squadron 76, komunis, Konfrontasi Malaysia Indonesia, landasan kapal terbang, membina jalan.*

1.0 PENGENALAN

1.1 Pengenalan Angkatan Tentera Malaysia

Angkatan Tentera Malaysia atau singkatannya ATM mempunyai slogan dan cogan kata semangat yang tersendiri. Slogan ATM ialah "Gempur Wira" sesuai dengan peranan angkatan ini iaitu mempertahankan negara dari ancaman musuh. Angkatan Tentera Malaysia meliputi tiga cabang ketenteraan utama iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pemimpin tertinggi dalam ATM dipanggil sebagai Panglima Angkatan Tentera (PAT).

1.2 Sejarah Angkatan Tentera Malaysia

Sejarah moden Angkatan Tentera Malaysia bermula dengan pengambilan 25 orang pemuda Melayu sebagai skuad percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Januari 1938. Batalion kedua ditubuhkan pada 1 Disember 1941 iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya. Kedua-dua batalion ini telah menunjukkan kebolehan mereka dalam peperangan menentang tentera Jepun. Selepas perang, negara dilanda pula oleh ancaman Komunis dan keadaan Darurat telah diisytiharkan pada tahun 1948. Keadaan ini memerlukan pembesaran angkatan tentera. Menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu telah ditambah menjadi tujuh batalion. Pada zaman Darurat juga, angkatan tentera telah berkembang dengan penubuhan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada tahun 1952. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tentera Darat telah berkembang maju dan lengkap untuk menjalankan operasi melawan insurgensi. Pada masa ini pasukan Tentera Darat sedang pesat dipermodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu untuk menghadapi cabaran masa depan.